

DD51

U B044 AAB
UMNO - BAHAS (INTRO)

KUALA LUMPUR, 18 NOV (BERNAMA) -- PERHIMPUNAN AGUNG UMNO HARI INI MENGGESA PUCUK PIMPINAN PARTI SUPAYA MERUJUKKAN KEPADA PERHIMPUNAN ITU SEBELUM MEMBUAT APA-APA KEPUTUSAN YANG BOLEH MENGAKIBATKAN PERUBAHAN KEPADA PARTI ITU.

PERHIMPUNAN ITU MENYAMBUT BAIK KESANGGUPAN PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD UNTUK MENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN MANA-MANA PIHAK (TERMASUK PEMIMPIN PARTI SEMANGAT 46 TENGGU RAZALEIGH HAMZAH) DEMI PERPADUAN MELAYU TETAPI IA MENGENAKAN SYARAT BAHAWA SEBARANG CADANGAN YANG BOLEH MENIMBULKAN APA-APA PERUBAHAN KEPADA UMNO HENDAK TERLEBIH DAHULU DIRUJUKKAN KEPADA PERHIMPUNAN ITU.

PERKARA ITU TERKANDUNG DALAM PINDAAN KEPADA TEKS ASAL USUL UCAPAN TERIMA KASIH DAN TAHNIAH DI ATAS UCAPAN DASAR PRESIDEN PADA PERASMIAN PERHIMPUNAN ITU SEMALAM, YANG DIKEMUKAKAN OLEH BAHAGIAN BUKIT BINTANG, WILAYAH PERSEKUTUAN, DAN DILULUSKAN SEBULAT SUARA.

PINDAAN TERHADAP USUL ITU DIBUAT EKORAN KESEDIAAN PRESIDEN PARTI SEMANGAT 46, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH MENERIMA CADANGAN MENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN PERDANA MENTERI UNTUK MEMBINCANGKAN PERPADUAN ORANG MELAYU.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYATAKAN SEMALAM, BAHAWA BELIAU JUGA BERSEDIA MEMBINCANGKAN SOAL-SOAL LAIN DALAM PERTEMUAN ITU, YANG DIJANGKA DIADAKAN SELEPAS PERHIMPUNAN AGUNG UMNO. -- LAGI.

1413MST 18 11 89

DD65

U B052 AAB
UMNO - BAHAS (INTRO) 2 KUALA LUMPUR

ISU PERPADUAN ORANG MELAYU DAN CADANGAN PERTEMUAN PERDANA MENTERI DENGAN PEMIMPIN PARTI SEMANGAT 46 ADALAH ANTARA PERKARA POKOK YANG DITIMBULKAN OLEH PARA PERWAKILAN SEMASA MEMBAHAS USUL ITU SELAMA DUA HARI

BERTURUT-TURUT.

PARA PERWAKILAN MESKIPUN MENYAMBUT BAIK USAHA ITU MENGINGATKAN PUCUK PIMPINAN BERWASPADA SUPAYA IA TIDAK PULA MENJEJASKAN KEUTUHAN DAN KEWIBAWAAN UMNO.

PINDAAN USUL ITU YANG DIKEMUKAKAN OLEH SYED HAMID ALBAR, WAKIL UMNO BAHAGIAN BUKIT BINTANG JUGA MAHUKAN PERHIMPUNAN MENGAKUI BAHAWA UMNO SEKARANG DITUBUHKAN DENGAN KEHENDAK PARA ANGGOTA YANG MENYERTAINYA SEMULA

UNTUK MENYAMBUNG PERJUANGAN PARTI YANG DITUBUHKAN PADA TAHUN 1946.

IA JUGA BERSETUJU MENGEKALKAN PERLEMBAGAAN DAN STRUKTUR ORGANISASI YANG ADA SEKARANG.

MENURUT SYED HAMID, USUL ITU ADALAH SEBAGAI INGATAN KEPADA ANGGOTA PARTI DAN MEREKA YANG BERHASRAT MENYERTAINYA BAHAWA PERLEMBAGAAN PARTI HENDAKLAH DIUTAMAKAN DAN DIPATUHI TANPA MEMPERSOALKANNYA.

KATANYA, DENGAN ITU MEREKA YANG BERHASRAT MENYERTAI SEMULA TIDAK BOLEH MEMBERI PRA-SYARAT KEMASUKAN LEBIH-LEBIH LAGI UNTUK MEMINDA PERLEMBAGAAN

YANG ADA. -- LAGI

1452MST 18 11 89

D067

U B053 AAB
UMNO - BAHAS (INTRO) 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA, HANYA PARA ANGGOTA PARTI YANG BERHAK UNTUK BERCAKA
P
MENGENAI PINDAAN PERLEMBAGAAN DAN BUKANNYA ORANG LUAR PARTI.

USUL LENGKAP ITU BERBUNYI:

+ MAKA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO 1988/1989 YANG BERSIDANG DI KUALA LU
MPUR

PADA 17, 18 DAN 19 NOVEMBER 1989 MENGAMBIL KETETAPAN:

1. MEMBERI KEPERCAYAAN PENUH DAN MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TAHNI
AH
KEPADA YANG AMAT BERHORMAT DATUK SERI PRESIDEN ATAS UCAPAN DASARNYA Y
ANG

BEGITU MENYELURUH DAN TEGAS=

2. MEMBERI SOKONGAN YANG TIDAK BERBELAH-BAHAGI KEPADA KERAJAAN DAL
AM

SEGALA USAHA MENGEKALKAN KESTABILAN POLITIK, MENINGKATKAN KEMAJUAN EK
ONOMI

DAN MENGUKUHKAN PERPADUAN RAKYAT YANG BERBILANG KAUM DAN MEMBERI JAMI
NAN

AKAN TERUS MENOLONG KERAJAAN MENGAWASI ANASIR-ANASIR YANG MENGANCAM
PERPADUAN RAKYAT DAN KEUTUHAN SERTA KESELAMATAN NEGARA=

3. MEMBERI SEPENUH KEPERCAYAAN KEPADA KERAJAAN DALAM PERLAKSANAAN
DASAR

LUAR NEGERI KHASNYA DASAR-DASAR YANG DIPUTUSKAN OLEH BANGSA-BANGSA BE
RSATU

DALAM MENENTANG PENCEROBOHAN DAN/ATAU CAMPURTANGAN NEGARA-NEGARA KUAS
A BESAR

TERHADAP URUSAN DALAM NEGERI, NEGARA-NEGARA YANG SEDANG MEMBANGUN
BAGI MENCAPAI SUATU MASYARAKAT DUNIA YANG AMAN, ADIL DAN MAKMUR= -- L
AGI

1456MST 18 11 89

D073

U B056 AAB
UMNO - BAHAS (INTRO) 4 KUALA LUMPUR

4. DI SAMPING MEMBERI KEYAKINAN DAN KEPERCAYAAN DI ATAS KEMAMPUAN
DAN
KEBOLEHAN KERAJAAN MELAKSANA DAN MENJAYAKAN TERCAPAINYA DASAR EKONOMI
BARU,

MENDESAK KERAJAAN MEMBERI JAMINAN POLITIK, SOSIAL DAN EKONOMI KAUM
MELAYU/ BUMIPUTERA YANG LEBIH BAIK DARIPADA SEGI DASAR DAN PERLAKSANAAN

SESUDAH TAHUN 1990=

5. MENGAKUI BAHAWA UMNO YANG ADA SEKARANG ADALAH UMNO YANG SAH YAN
G

DITUBUHKAN DENGAN KEHENDAK ANGGOTA-ANGGOTA UMNO YANG MENYERTAI SEMULA
DAN

TELAH DIDAFTARKAN PADA 13 FEBRUARI 1988 DAN MENJADI PENYAMBUNG PERJU
NGAN

UMNO YANG DILAHIRKAN PADA TAHUN 1946 MAKA DENGAN INI BERSETUJU MENGEK
ALKAN

PERLEMBAGAAN DAN STRUKTUR ORGANISASI PARTI YANG ADA SEKARANG= DAN

6. MENYAMBUT BAIK KESANGGUPAN DATUK SERI PRESIDEN DEMI KEPENTINGAN
PERPADUAN ORANG-ORANG MELAYU UNTUK MENGADAKAN PERTEMUAN DENGAN MANA-M
ANA

PIHAK DENGAN SYARAT SEBARANG CADANGAN YANG BOLEH MENIMBULKAN APA-APA
PERUBAHAN KEPADA UMNO HENDAKLAH TERLEBIH DAHULU DIRUJUKKAN KEPADA
PERHIMPUNAN AGUNG.+ -- LAGI

1511MST 18 11 89

D106

U B072 AAB

(ULANGAN: MEMBETULKAN PERENGGAN ENAM) R R R

UMNO - BAHAS (INTRO) 5 KUALA LUMPUR

SEBELUM USUL ITU DILULUSKAN WAKIL PERGERAKAN PEMUDA UMNO, ENCIK IS HAK

ISMAIL MENEGUR SIKAP PARA PEMIMPIN SEMANGAT 46 YANG +KERAS KEPALA+ WA LAUPUN

PELUANG SUDAH ADA DIHADAPAN MEREKA UNTUK MENYERTAI UMNO.

BELIAU BERKATA, PEMIMPIN UMNO HENDAKLAH AKUR DENGAN SEBUAH PERIBAH ASA

ORANG ESKIMO UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH BERURUSAN DENGAN PEMIMPIN KU MPULAN

ITU YANG MENURUTNYA MASIH DEGIL.

KATANYA, PERIBAHASA ESKIMO ITU BERBUNYI +SEKERAS-KERAS KEPALA SEOR ANG

MANUSIA, TETAPI APABILA KEPALA ITU DIHEMPUKKAN KE DINDING ATAU TEMBOK

NESCAYA KEPALA ITU AKAN HANCUR DAN BERKECAI. TETAPI ENKAU JANGANLAH MEMANDANG RENDAH KEPADA KEPALA, KERANA KALAU DILETAKKAN DI ANTARA KET ULAN

AIR BATU, IANYA AKAN MENJADI KERAS KEMATU.+

MENGENAI PERBALAHAN KETUA-KETUA BAHAGIAN DENGAN KETUA-KETUA PEMUDA

ENCIK ISHAK BERKATA, KESTABILAN POLITIK UMNO IALAH BILA KETUA PEMUDA DAN

KETUA WANITA BERGABUNG DAN BEKERJASAMA DI BAWAH KETUA BAHAGIAN DI SES UATU

BAHAGIAN UMNO ITU.

BELIAU BERKATA, KETIKA PARTI AKAN MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM KET UJUJ,

PERPADUAN ANTARA KETIGA-TIGA ORGANISASI UMNO ITU AMAT PENTING UNTUK MENENTUKAN KEJAYAAN UMNO.

ENCIK ISHAK BERKATA, PEMUDA UMNO AKAN BERBUAT APA SAHAJA YANG DIARAHKAN OLEH PUCUK PIMPINAN UNTUK KEBAIKAN ORANG MELAYU SEMENTARA P UCUK

PIMPINAN HENDAKLAH MENGAMBIL LANGKAH UNTUK KEPENTINGAN ORANG MELAYU.

-- LAGI (SELEPAS INI SAMBUNG KEPADA SIRI UMNO-BAHAS -- INTRO KEMUDI AN).

1629MST 18 11 89

D157